

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. **JAWATAN** **GED**
 - A. PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH DG41

2. **SUKATAN MATA PELAJARAN**
 1. Al-Azhar

3. **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN**

Jawatan DG : Perkhidmatan Pendidikan

4. **JADUAL GAJI**
 1. Jawatan A Gred DG41 : P1T1: RM1695.85 - P1T27:RM4645.85
P2T1: RM1790.47 - P2T27:RM4924.12
P3T1: RM1889.27 - P3T27:RM5226.19

5. **TARAF JAWATAN : KONTRAK**

6. **UMUR** (Pada tarikh iklan ditutup)
 - (a) Calon-calon lantikan terus mesti tidak kurang dari 18 tahun.
 - (b) Bekas Anggota Tentera atau Polis yang telah menamatkan perkhidmatan dengan baik hendaklah tidak melebihi 45 tahun.

7. **WARGANEGARA MALAYSIA**

8. **SYARAT LANTIKAN**

JAWATAN A : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH DG41

Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: P1T4); atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: P1T5); atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: P1T6); atau
- (v) Ijazah Sarjana Muda Senibina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41:P1T8); atau
- (vi) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: P1T10; bagi ijazah Sarjana Muda Perakaunan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan: P1T11; dan Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia: P1T12);
- dan**
- (b) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Tambahan:

Calon yang memiliki kelayakan seperti berikut :

- a)
 - i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang Pengajian Islam atau Bahasa Arab daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara; atau
 - ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang Pengajian Islam atau Bahasa Arab daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara.
- b)
 - i) Keutamaan kepada pemegang Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

9. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Untuk Jawatan Kontrak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS-BPN.1) yang boleh diperolehi di alamat Bahagian Khidmat Pengurusan/Unit Sumber Manusia JAIS Tingkat 1, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5, 40676 Shah Alam Selangor.
- (b) Semua Permohonan hendaklah disertakan dengan **sekeping gambar berukuran passport, salinan Kad Pengenalan, salinan Kad Pengenalan Ibu dan Bapa dan salinan Sijil Kelahiran serta Sijil-Sijil Persekolahan yang berkaitan.**
- (c) Permohonan hanya dibuka untuk anak Selangor atau bermastautin melebihi 15 tahun disertakan surat pemastautin.
- (d) Semua salinan sijil hendaklah diakui sah.
- (e) **Permohonan yang berikut akan ditolak :-**
 - (i) Tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan.
 - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan.
 - (iv) Tidak besertakan gambar.
 - (v) Tidak ditandatangani.

10. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

- (a) Permohonan hendaklah sampai kepada:

**PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR,
TINGKAT 1, MENARA SELATAN,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
NO. 2, PERSIARAN MASJID, BUKIT SUK,
SEKSYEN 5, 40676 SHAH ALAM.**

Sebelum atau pada **25 Februari 2010 (Khamis).**

- (b) Hanya calon-calon yang memenuhi syarat-syarat permohonan serta disenarai pendek sahaja yang akan dihubungi untuk sesi temuduga. Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.